



## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU / 18 NOVEMBER 2023

- 1. MADA JAMIN BPS CUKUP – SINAR HARIAN**
- 2. PESAWAH SUKAR IKUT JADUAL TANAMAN PADI – UTUSAN MALAYSIA**
- 3. KERAJAAN BINCANG CADANGAN WUJUD GRED TUNGGAL BERAS PUTIH – UTUSAN MALAYSIA**
- 4. SYOR WUJUDKAN SATU GRED TUNGGAL BERAS PUTIH – BERITA HARIAN**
- 5. KPKM BAKAL TELITI CADANGAN GRED TUNGGAL BERAS PUTIH – HARIAN METRO**
- 6. ‘SINGLE GRADE RICE IMPRACTICAL’ – NEW STRAIT TIMES**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 18 NOVEMBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA

## MADA jamin BPS cukup

**ALOR SETAR** - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memberi jaminan keperluan Benih Padi Sah (BPS) bagi musim 2/2023 di kawasan Muda mencukupi.

Cawangan Komunikasi Korporat MADA berkata, keperluan BPS adalah sebanyak 964,507 tan metrik dan berdasarkan status terkini, stok benih itu mencukupi.

Menurutnya, pengedaran benih tersebut akan dibuat melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan peruncit sah yang dilantik.

"Melalui PPK MADA, pesanan diterima adalah sebanyak 130,846 beg BPS. Sehingga 16 November, sebanyak 84,266 beg BPS diterima, manakala 78,033 beg BPS telah diedarkan.

"Melalui keputusan Mesyuarat Penyelarasan BPS, komitmen syarikat pengeluar bagi stok sedia terjual dan sedang diedarkan adalah se-

banyak 9,039 beg BPS bagi varieti MR297 dan MR315 melalui Kilang Pertama Padi, Kilang Seri Merbok serta Kilang OBL Maju.

"Sebanyak 8,000 beg BPS lagi turut diluluskan melalui pihak MADACorp," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurut kenyataan itu lagi, bermula minggu depan, komitmen pihak pengeluar bagi stok menunggu kelulusan makmal Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) akan dijual dalam tempoh satu minggu kepada PPK MADA melibatkan jumlah 22,339 beg BPS bagi varieti MR297 dan MR315.


Dalam perkembangan sama, MADA menggesa agar pengeluar-pengeluar padi menjalankan tanggungjawab mereka dengan memastikan peladang mendapat bekalan benih padi sah pada harga munasabah dalam tempoh waktu sewajarnya.



FOTO: FB MADA

Sesi lawatan ke kilang dilakukan bagi memastikan stok BPS sentiasa mencukupi.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 18 NOVEMBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA



SEBAHAGIAN petak sawah yang masih kosong disebabkan kesukaran pesawah mendapatkan benih padi di Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

# Pesawah sukar ikut jadual tanaman padi

Oleh TOREK SULONG  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**PASIR PUTEH:** Lebih 100 petani di kawasan Semerak di sini mendakwa sukar untuk memulakan kerja-kerja di bendang mengikut jadual selepas berdepan masalah benih padi.

Rata-rata pesawah mendakwa mereka terpaksa membuat tempahan awal dan mengikuti giliran sekali gus menyulitkan kerja-kerja menanam padi untuk musim baharu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang petani, Mat Nor Ismail, 44, berkata, kesukaran itu menyebabkan petak-petak sawah terpaksa dibiarkan kosong.

"Kami (pesawah) di sini perlu menanam secara serentak bagi mengelak ancaman musuh perosak selain hanya mengharapkan taburan hujan kerana keti-

adaan kemudahan saliran tali air.

"Harga benih padi CL 251 dahulunya RM35, kini mencanak sehingga RM55. Sudahlah mahal, sukar pula untuk dibeli. Masalah ini sepatutnya diselesaikan agensi berkaitan untuk mengelak orang tengah memanipulasi harga," katanya ketika ditemui di bendang Beris Chalok di sini semalam.

Mat Nor mendakwa, kenakan harga benih turut memberikan kesan kepada kerja-kerja penanaman padi oleh pesawah di kawasan berkenaan.

Selain itu dakwanya, kedai yang menjual benih tidak mahu mengeluarkan resit pembelian turut menimbulkan persoalan dalam kalangan pesawah.

"Setinggi mana pun kenaikan harga benih, kami tetap menanamnya kerana itu adalah kerja kami sejak sekian lama," katanya.

Sementara itu Pengurus Per-tubuhan Peladang Kawasan (PPK) Semerak, Alias Mat Rani berkata, bulan ini adalah musim menabur benih di mana harga padi bawah RM45 untuk satu karung seberat 20 kilogram (kg) sudah tidak ada dalam pasaran.

Katanya, petani di bawah PPK Semerak kebanyakannya membeli benih padi CL 215 pada harga RM54 untuk satu karung.

"Modal pengurusan awal semakin meningkat berbanding musim sebelumnya kerana untuk 0.46 hektar petani perlu membeli tiga karung atau 60kg benih padi," katanya.

Alias memberitahu, untuk membeli benih kebal penyakit seperti CL 2 bernilai RM74 bagi 20kg adalah di luar kemampuan sebaliknya hanya mampu menggunakan benih 'marhaen' seperti CL 215, CL 267 dan CL 297.

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**TARIKH : 18 NOVEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## Kerajaan bincang cadangan wujud gred tunggal beras putih

**KEPALA BATAS:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) akan berbincang dengan beberapa kementerian lain sebelum memuktamadkan cadangan mewujudkan satu gred tunggal untuk beras putih.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia melibatkan Kementerian Kewangan; Kementerian Ekonomi serta Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Katanya, antara yang akan dibincangkan termasuk isu semasa berkaitan padi serta cadangan menyelaraskan taman itu pada masa akan datang.

"Itu baru cadangan dan memang kita boleh terima atau tolak. Apapun, kita akan bincang dahulu.

"Dalam hal ini, kita berusaha

menyelesaikan masalah beras (dan padi) dan berharap akan pulih sepenuhnya, sama seperti isu ayam serta telur," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Tahunan Parti Amanah Negara (Amanah) Kepala Batas di Peninggalan malam kelmarin.

Pengerusi Gabungan Pengilang Beras Malaysia, Marzuki Othman sebelum ini mencadangkan supaya Seksyen

Badan Kawalselia Padi dan Beras di bawah KPBM mewujudkan hanya satu gred tunggal untuk beras putih.

Dengan adanya gred tunggal itu katanya, beras putih itu juga tidak perlu lagi dilabelkan sebagai Beras Putih Tempatan (BPT) dan Beras Putih Import (BPI) seperti sebelum ini.

Tambah Marzukihi, langkah itu penting bagi memastikan tia-

da sebarang manipulasi berlaku di peringkat pemborong sekali gus membantu mengelakkan pengguna tertipu dengan beras yang diberi.

Dalam perkembangan bersamaan Mohamad memberitahu, pihaknya kini sudah bersiap sejia menghadapi musim Monsun Timur Laut yang dibimbangi boleh menjaskan banyak tanaman.

KERATAN AKHBAR

: BERITA HARIAN

TARIKH

: 18 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

# Syor wujudkan satu gred tunggal untuk beras putih

Perbincangan pastikan tiada lagi label BPT, BPI

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Kepala Batas:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan berbincang dengan beberapa kementerian lain berhubung cadangan mewujudkan hanya satu gred tunggal untuk beras putih.

Ia sekali gus tidak perlu lagi melabelkannya sebagai Beras Putih Tempatan (BPT) dan Beras Putih Import (BPI) seperti kelaziman, selepas ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata perbincangan itu dijalankan secara menyeluruh, termasuk berhubung isu menyelaraskan hal berkaitan padi pada masa akan datang.

Katanya, perbincangan akan membabitkan sekurang-kurangnya empat kementerian termasuk Kementerian Kewangan, Ekonomi dan Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak.



Mohamad menyerahkan borang keahlian pada Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan AMANAH Kawasan Kepala Batas di Dewan Bakau Tua, Penaga, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

"Kita berusaha untuk menyelesaikan masalah beras yang sedang kita tangani dan akan pulih sepenuhnya, sama seperti isu ayam serta telur ayam," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Gabungan Pengilang Beras Malaysia meminta kerajaan mewujudkan hanya satu gred tunggal beras putih dan tidak perlu lagi melabelkannya sebagai BPT dan BPI.

Terdahulu, Mohamad yang

juga Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) ditemui pada Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan AMANAH Kawasan Kepala Batas di Dewan Bakau Tua, Penaga, di sini, kelmarin.

## Sedia hadapi banir

Sementara itu, Mohamad berkata kementeriannya bersiap sedia menghadapi musim Monsun Timur Laut yang dibimbangkan bakal menyebabkan banyak tanaman terjejas.

"Pada masa ini, belum ada lagi (sawah ditenggelami banir) memandangkan (Monsun Timur Laut) masih pada peringkat permulaan.

"Semua jawatankuasa khas di bawah Timbalan Perdana Menteri telah dipanggil mesyuarat ke arah persediaan untuk menghadapi kemungkinan banir dan di bawah kementerian yang bertanggungjawab berkenaan (hal ehwal banir) sedang bersiap segera," katanya.

KERATAN AKHBAR

: HARIAN METRO

TARIKH

: 18 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

## **KPKM bakal teliti cadangan gred tunggal beras putih**

**Kepala Batas:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan berbincang dengan beberapa kementerian lain berhubung cadangan mewujudkan hanya satu gred tunggal untuk beras putih dan tidak perlu lagi melabelkannya dengan Beras Putih Tempatan (BPT) dan Beras Putih Import (BPI) seperti kelaziman.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata perbincangan itu dijalankan secara menyeluruh termasuk berhubung isu mahu menyelaraskan hal berkaitan padi pada masa akan datang.

"Kami (KPKM) akan mengadakan perbincangan dengan Gabungan Pengilang Beras Malaysia yang mencadangkan perkara tersebut, selain itu perbin-

cangan turut dibuat bersama beberapa kementerian lain antaranya Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

"Sekurang-kurangnya empat kementerian akan terabit dalam perbincangan itu untuk selaraskan hal padi pada masa akan datang, cadangan berkenaan kita boleh terima dan boleh juga kita tolak...jadi perlu diadakan perbincangan lanjut terlebih dulu," katanya kepada pemberita di sini malam kelmarin.

Beliau yang juga Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) ditemui selepas

merasmikan Mesyuarat Tahunan Amanah Kepala Batas, di sini.

Mohamad berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung cadangan Gabungan Pengilang

Beras Malaysia mahu badan Kawalselia Padi dan Beras KPKM mewujudkan hanya satu gred tunggal untuk beras putih dan tidak perlu lagi melabelkannya dengan BPT dan BPI seperti kelaziman.

Pengerusi gabungan itu, Marzuki Othman dilaporkan berkata langkah itu penting untuk memastikan tiada sebarang manipulasi di peringkat pemborongan sekali gus dapat

mengelakkan pengguna tertipu dengan beras yang dibeli.

Sementara itu, dalam perkembangan lain Mohamad berkata, Amanah sekali lagi mengulangi pendirian iaitu menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung pelantikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) yang kosong selepas kematian Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"Serah pada PM (Perdana Menteri), PM ada kuasa...saya kata kami (Amanah) mengharapkan jawatan menteri itu (KPDN) tapis hak Perdana Menteri untuk tentukan (siapa yang dipilih sebagai menteri) kerana kabinetnya," katanya.

**“Empat kementerian akan terabit dalam perbincangan**

**Mohamad**

KERATAN AKHBAR

: NEW STRAIT TIMES

TARIKH

: 18 NOVEMBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

WHITE RICE

# 'SINGLE GRADE RICE IMPRACTICAL'

Experts: Proposed move may pose challenges for suppliers, consumers

LUQMAN HAKIM  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**T**HE proposal to create a single grade for white rice requires thorough discussion as it may pose significant challenges for suppliers and consumers alike, an expert said.

Universiti Putra Malaysia agricultural economics expert Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin said the government must provide clarification on the specific details of the proposed changes.

He questioned the practicality of implementing a unified grading system and its implications on pricing, saying the proposed changes would not solve the issue.

"The primary concern, as stated in reports, is that some (sell-

ers) in the industry mix local and imported rice, and brand the product as imported to capitalise on higher prices.

"It (rice) doesn't necessarily need to be graded as one because the problem and the solution are not the same."

"Lack of enforcement should be identified as the primary concern. Therefore, it must be more stringent to address the issues as reported."

"If we have one grade, imported and local rice will be difficult to label as the same because the price and quality might be different," he told the *New Straits Times*.

The proposal, he said, could pose a challenge due to the volatile price of imported rice.

"Imported rice prices, influenced by global factors such as export bans from major producers like India, can lead to fluctuations in the market."

"So if we're going to label the rice as one, which price are we going to use? Are we going to use the price of local, or imported rice?"

"We don't want that later on, local rice might become cheaper than its imported counterpart. And if we (create a single) label,

the price of local white rice might also decrease accordingly and the industry will not make any money."

While acknowledging the potential benefits of a unified grading system, Nasir suggested floating local rice prices based on supply and demand dynamics.

This, coupled with targeted subsidies for staple items like rice and chicken, could provide economic support to both consumers and local producers, he added.

"When we float the price, it will certainly go up. When the price increases, but is locally produced, then it is easier to implement targeted subsidies for the poor."

He called for a more in-depth analysis and discussion to weigh the pros and cons of the proposed changes. Concerns include the potential impact on consumers, farmers, and the overall stability of the rice market.

He said the success of the proposed changes may depend on the competitiveness of the industry.

"In a highly competitive mar-

ket, a single grading system might be more viable, but without subsidy support, challenges may persist."

"Therefore, the Agriculture and Food Security Ministry must provide details on the mechanism and how it will work on addressing the concerns raised."

UPM Institute of Tropical Agriculture and Food Security research fellow Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad said differentiating rice based on quality and variety was crucial to cater to various consumer preferences, including health-conscious individuals.

The concept of grading, according to her, serves the purpose of aligning products with consumer preferences.

"In current market dynamics, consumers have limited access to information on rice varieties and pricing."

"As compared with Thailand, where a comprehensive list of rice varieties and their prices is accessible to the public, Malaysia

could benefit from a more transparent and dynamic approach."

She said the challenge would be in identifying the price to be used if both local and imported rice are labelled the same.

"A single price may lead to subsidising both affluent consumers and foreigners."

"A one-price model could stifle innovation, slow down market growth and limit consumer choices."

"Take the fast-food industry, for example, where variety and dynamic pricing contribute to growth and competition."

She called on a more nuanced approach that considered the diversity of consumer preferences, encourages innovation and fosters a dynamic rice market.

On Thursday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said he would discuss with several ministries on the proposal to create only a single grade for white rice that would no longer be required to be labelled as local or imported rice, as is the current practice.

He said the discussions would be conducted comprehensively, including the issue of wanting to coordinate matters related to rice in the future.



Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin